

Tinjauan Pekerja tentang Keselamatan Bahan Kimia

Jun 2023

Terima kasih kerana mengambil bahagian dalam tinjauan ini tentang keselamatan bahan kimia! Sila jawab soalan dengan selengkap dan sejujur mungkin. Maklumbalas anda akan dirahsiakan.

Mengenai Anda

(Semua maklumat akan dirahsiakan dan ia tidak akan dikaitkan dengan identiti anda)

1. Adakah anda bekerja di bahagian kilang atau di pejabat?

- Saya bekerja di bahagian pengeluaran
- Saya bekerja dalam peranan bukan pengeluaran

2. Yang manakah paling menggambarkan jenis pekerjaan anda?

- Kemudahan / Penyelenggaraan
- Kerja pejabat
- Operasi pembuatan
- Ujian/kawalan kualiti

3. Adakah anda mengendalikan bahan kimia sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda? (Bahan kimia yang digunakan dalam proses pembuatan seperti pembersih/penyahgris, pelekat, pelarut, fluks atau bahan kimia lain)

- Ya - selalu
- Ya - hanya sekali-sekala
- Tidak

Jika anda menjawab 'Tidak' untuk soalan 3, anda telah menyelesaikan kajian soal selidik. Jika anda menjawab 'Ya', sila teruskan dengan soalan-soalan berikutnya.

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Menangani Kebimbangan Pendedahan Bahan Kimia

4. Adakah fasiliti anda mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang menangani kebimbangan tentang kemungkinan pendedahan bahan kimia kepada pekerja?

- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

Jika anda menjawab 'Tidak' untuk soalan 4, sila jawab soalan 11. Jika anda menjawab 'Ya', sila teruskan dengan soalan-soalan berikutnya.

5. Adakah anda mempunyai cara untuk melaporkan kebimbangan mengenai potensi pendedahan bahan kimia kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan?

- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

6. Adakah anda menerima maklumat tentang keputusan atau aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan untuk menangani kebimbangan yang dilaporkan tentang potensi pendedahan bahan kimia?

- Ya - selalu
- Ya - kadangkala
- Tidak
- Saya tidak tahu
- Lain-lain (sila nyatakan): _____

7. Adakah anda, secara peribadi, mempunyai cara untuk menghubungi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan tentang kebimbangan kemungkinan pendedahan bahan kimia?

- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

8. Sejauh manakah anda berasa selesa (tenang) untuk menghubungi seseorang dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan jika anda mempunyai kebimbangan tentang potensi pendedahan bahan kimia?

- Selesa (tenang)
- Neutral
- Tidak selesa (gelisah)

9. Adakah anda melaporkan aduan atau kebimbangan mengenai potensi pendedahan bahan kimia kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dalam tempoh 12 bulan yang lalu?

- Ya
- Tidak - Saya mempunyai kebimbangan tetapi tidak melaporkannya
- Tidak - Saya tidak mempunyai kebimbangan
- Lain-lain (sila nyatakan): _____

10. Jika anda melaporkan aduan atau kebimbangan, adakah Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan menangani aduan atau kebimbangan anda dengan menyelesaikannya sendiri atau dengan membuat cadangan kepada pihak pengurusan?

- Ya
- Ya- pada tahap tertentu, tetapi masih belum sepenuhnya diselesaikan
- Tidak
- Saya tidak mendapat maklum balas
- Saya tidak membuat laporan
- Lain-lain (sila nyatakan): _____

Membuat Cadangan atau Aduan

11. Bagaimanakah pekerja di fasiliti anda boleh melaporkan cadangan, kebimbangan atau aduan tentang potensi pendedahan bahan kimia di tempat kerja? (pilih semua yang berkaitan)

- Peti cadangan/aduan (tanpa nama)
- Berhubung dengan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan yang Menangani Kebimbangan Pendedahan Kimia
- Hantar mesej kepada pihak pengurusan (tanpa nama)
- Hantar mesej atau bercakap dengan pihak pengurusan (dengan nama)
- Hotline atau mesej teks dengan jenama atau pihak ketiga (tanpa nama)
- Hotline atau mesej teks dengan jenama atau pihak ketiga (dengan nama)
- Hubungi atau hantar mesej ke nombor hotline kilang atau aplikasi perbualan
- Hantar mesej atau bercakap dengan wakil pekerja
- Hantar mesej atau bercakap dengan wakil pihak ketiga luar (contohnya NGO atau kerajaan)
- Saya rasa tidak ada cara untuk melaporkan cadangan, kebimbangan atau aduan
- Lain-lain (sila nyatakan): _____

12. Adakah anda berpendapat bahawa pihak pengurusan bersedia untuk mendengar cadangan, kebimbangan, dan aduan dari pekerja tentang pendedahan bahan kimia?

- Ya -- sangat bersedia untuk mendengar
- Ya -- agak bersedia untuk mendengar
- Tidak -- tidak begitu bersedia untuk mendengar
- Tidak -- pekerja mungkin bimbang tentang pembalasan
- Saya tidak tahu

13. Jika seseorang mengemukakan kebimbangan atau aduan, adakah anda berpendapat bahawa pihak pengurusan akan menyelesaikannya dengan adil?

- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

Latihan dan Komunikasi Keselamatan Bahan Kimia

14. Berapa kerapkah anda menerima latihan tentang penggunaan peralatan pelindung diri (PPE) dan keselamatan bahan kimia di tempat kerja? (pilih semua yang berkaitan)

- Sekali -- semasa penempatan kerja
- Setiap tahun
- Kerap sepanjang tahun
- Setiap kali ada perubahan dalam cara kami melakukan sesuatu
- Tidak pernah
- Saya tidak ingat

15. Antara berikut, yang manakah anda ingat termasuk dalam latihan kerja anda (tandaikan semua yang berkenaan):

- Nama bahan kimia yang anda gunakan
- Maklumat tentang bahaya bahan kimia yang anda gunakan
- Cara mengendalikan dan menggunakan bahan kimia yang anda gunakan dengan betul
- Cara menggunakan peralatan pelindung diri (PPE) yang diperlukan dalam jawatan anda, seperti sarung tangan, alat pernafasan dan gogal kalis percikan
- Siapa yang perlu dihubungi untuk sebarang soalan atau kebimbangan mengenai PPE atau langkah perlindungan pendedahan bahan kimia lain yang berpotensi
- Kepentingan pemeriksaan kesihatan pekerjaan
- Lain-lain: _____

16. Adakah anda faham apa yang dimaksudkan dengan simbol amaran pada bekas bahan kimia?

- Ya, saya dimaklumkan dengan jelas, dan saya memahami maksudnya

- Tidak
- Tidak berkenaan - tiada simbol amaran pada bekas bahan kimia

17. Adakah anda tahu di mana untuk mendapatkan maklumat keselamatan mengenai produk kimia yang anda gunakan?

- Ya, saya tahu dengan jelas di mana untuk mendapatkan maklumat tersebut
- Ya, saya tahu di mana untuk mendapatkannya, tetapi saya tidak berasa selesa untuk memintanya
- Saya tidak pasti, tetapi saya tahu kepada siapa untuk bertanya
- Tidak, saya tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan maklumat tersebut

18. Adakah anda telah dimaklumkan tentang potensi bahaya penyebab kanser (karsinogenik) daripada mana-mana produk kimia yang anda gunakan di tempat kerja?

- Ya
- Tidak, saya tidak menerima maklumat tersebut
- Saya menerima maklumat umum tentang bahaya kimia, namun tiada potensi bahaya yang menyebabkan kanser (karsinogenik) dikenal pasti
- Saya tidak tahu

19. Adakah anda diberitahu mengenai bahaya kesihatan reproduktif atau perkembangan yang berpotensi dari produk kimia yang anda gunakan di tempat kerja?

- Ya
- Tidak, saya tidak menerima maklumat tersebut
- Saya menerima maklumat umum tentang bahaya kimia, namun tiada bahaya kesihatan reproduktif atau perkembangan dikenal pasti
- Saya tidak tahu

20. (Bagi wanita) Adakah anda dapat berbincang dengan pekerja wanita atau pengurus mengenai kebimbangan kesihatan reproduktif atau perkembangan?

- Saya bukan wanita
- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

21. Bolehkah seorang pekerja yang sedang mengandung atau mencuba untuk hamil meminta pekerjaan yang tidak melibatkan penggunaan produk kimia yang mungkin membahayakan kesihatan reproduktif atau perkembangan?

- Ya
- Tidak

- Saya tidak tahu

Keselamatan Bahan Kimia di Tempat Kerja

22. Adakah anda mempunyai akses kepada PPE yang mencukupi dan memadai?

- Ya
- Tidak
- Saya tidak tahu

23. Jika anda percaya bahawa kesihatan anda terancam, adakah anda dibenarkan meninggalkan tempat berbahaya tersebut?

- Ya, saya dibenarkan
- Saya dibenarkan, tetapi saya bimbang tentang kehilangan pekerjaan saya
- Saya tidak tahu
- Tidak, tidak dibenarkan
- Lain-lain (sila nyatakan): _____

Terima kasih atas penyertaan anda!